

Warga menua: Masyarakat turut berperanan bantu tangani, kata DPM Teo

Pembaharuan kepimpinan negara dengan barisan lebih muda juga penting

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

WARGA Singapura perlu memainkan peranan, sama ada secara individu atau dalam masyarakat, untuk membantu diri sendiri, sementara pemerintah berusaha di peringkat nasional untuk menangani cabaran masyarakat yang kian menua.

Ini juga selaras dengan pendekatan yang diambil mengenai kepimpinan negara, yang tidak harus dibiarkan menjadi tua kerana memimpin memerlukan tenaga, kata Timbalan Perdana Menteri Teo Chee Hean, semalam.

“Kita perlukan pembaharuan kepimpinan, kerana tidak mahu negara menjadi tebusan kesihatan kohort pemimpin yang lebih

senior dan kian menua setiap tahun,” kata Encik Teo, yang bercakap di Perspektif Singapura 2018, persidangan tahunan yang dianjurkan Institut Pengajian Dasar (IPS).

Encik Teo menarik perhatian pentingnya memperbaharui kepimpinan negara dengan barisan pemimpin muda yang dapat menyuntik tenaga dan ketahanan.

Namun pada masa sama, penting juga generasi menteri lebih muda menyedari manfaat mempunyai ‘lebih ramai senior’ dalam Kabinet, kata beliau menjawab soalan yang diajukan seorang peserta persidangan yang ingin tahu sama ada keperluan untuk menambah jumlah warga tua dalam Kabinet dan Perkhidmatan Awam, demi mewakili pandangan warga lebih tua.

Encik Teo, juga Menteri Bertanggungjawab bagi Perkhidmatan Awam, akur adalah menguntungkan mempunyai anggota kanan yang berpengalaman dalam Kabinet – antara ciri unik sistem politik Singapura – di mana mantan perdana menteri kekal berkhidmat dalam Kabinet sebagai menteri kanan dan menteri pembimbing selepas mengundur diri.

Dalam ucapannya pula, Encik Teo mengesahkan agar warga Singapura mengubah pemikiran tentang penuaan dan memainkan peranan membentuk masyarakat yang lebih inklusif di rumah dan tempat kerja.

Memberi contoh ekonomi ‘gig’ atau pekerjaan bebas yang popular dalam kalangan orang muda atau ‘millennials’, Encik Teo berkata warga tua juga boleh memberi sumbangan.

“Hanya dengan mengubah pemikiran dan usaha bersama... kita dapat membolehkan warga tua kita kekal dalam pasaran kerja selagi mereka mampu dan rela,” kata beliau.

Buat masa ini, Singapura mempunyai sekitar 500,000 warga yang berusia 65 tahun ke atas. Jumlah ini dijangka menjadi sekitar 900,000 menjelang 2030, kata Encik Teo.

Menurut Encik Teo, berbanding negara lain, Singapura lebih bersedia menghadapi isu penuaan kerana ia telah membina institusi kukuh seperti CPF Life dan Medishield Hayat yang membantu warga mengumpul simpanan bagi hari tua dan menjamin insurans kesihatan sepanjang hayat.

Pemerintah juga memperuntuk bajet setimpal bagi kesihatan, yang dijangka meningkat selaras dengan keperluan negara menua.

Dalam perbincangan lebih awal semalam, pengarah urusan Penguasa Kewangan Singapura (MAS) Ravi Menon berkata kunci mengekalkan ekonomi dinamik dalam negara yang menua ialah sifat inklusif, termasuk masyarakat yang bersedia membayar cukai untuk menyokong golongan yang ketinggalan penyediaan dan kemajuan teknologi, termasuk golongan tua.

Baru-baru ini, tinjauan IPS melibatkan 2,000 peserta menunjukkan warga Singapura berbelah bagi berkenaan isu pembiayaan perbelanjaan sosial lebih tinggi bagi menyokong warga yang berusia lebih tua.

Dua daripada lima peserta tinjauan berkata mereka tidak selesa jika terpaksa membayar cukai lebih tinggi sebaliknya mahukan pemerintah menggunakan rizab negara untuk tujuan itu. Sejumlah 34 peratus peserta pula menyokong cukai lebih tinggi.

Laporan lanjut persidangan tahunan IPS
– Muka 3



Apa kata Teo Chee Hean mengenai masyarakat menua

PERANAN INDIVIDU DAN KELUARGA

“Kita perlu memikirkan semula pendekatan kita terhadap kehidupan dan penuaan, supaya kita boleh menjalani hidup yang berpanjangan dan bermakna dengan gembira dan sihat. Kita juga boleh belajar sepanjang hayat untuk meraih kemahiran baru, terus aktif menerusi kerja dan menemui maksud kehidupan menerusi kerja kemasyarakatan dan sukarela, dan meraih kepuasan bersama keluarga.”

PERANAN PEMERINTAH

“Kita perlukan pembaharuan kepimpinan, kerana tidak mahu negara menjadi tebusan kesihatan kohort pemimpin yang lebih kanan dan kian menua setiap tahun.”

PERSIDANGAN PERSPEKTIF SINGAPURA 2018

Swhee Keat: Pemimpin 4G bekerjasama rapat

Menteri Kewangan turut mengongsi pandangan tentang Belanjawan Negara, termasuk isu GST



▶ **ATIYAH MOHD SAID**
atiyahm@sph.com.sg

PASUKAN menteri generasi keempat (4G) adalah sebuah pasukan 'yang berfikirannya serius' dan sedang melakukan yang terbaik untuk Singapura, kata Menteri Kewangan, Encik Heng Swee Keat.

Beliau berkata demikian apabila ditanya sama ada beliau bersedia untuk mengetuai pasukan menteri 4G, semasa sidang Perspektif Singapura 2018 di Pusat Persidangan Raffles City, anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) semalam.

Ini merupakan komennya yang pertama tentang kepimpinan generasi keempat.

Meskipun Encik Heng tidak menjawab pertanyaan sama ada beliau bersedia atau tidak, tetapi beliau memberitahu

para peserta yang beliau bekerjasama dengan pasukan menteri generasi keempat.

"Tentang pasukan generasi keempat, kita boleh bekerjasama dengan sangat baik, ia adalah sebuah pasukan yang berfikirannya serius dan sedang melakukan yang terbaik.

"Saya selesa bekerjasama dengan mereka. Bukan hanya pasukan generasi keempat sahaja, tetapi seluruh Kabinet

"Perdana Menteri Lee Hsien telah menunjukkan contoh yang baik.

"Ia adalah sebuah pasukan yang bersatu padu, dan kami membincangkan berbagai isu setiap minggu..." ujar Encik Heng.

Encik Heng merupakan antara calon utama bagi jawatan Perdana Menteri – selain Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Chan Chun

Sing; dan Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung.

Awal bulan ini, seramai 16 menteri dan pemegang jawatan politik telah mengeluarkan kenyataan bersama yang mereka sedang bekerja rapat bagi memilih pemimpin di kalangan mereka.

Encik Heng juga menarik perhatian satu cabaran utama harus ditangani adalah kerumitan yang semakin meningkat di Singapura dan perlunya melihat isu-isu dihadapi negara ini dalam konteks global.

Menurutnya, walaupun Singapura hanyalah 'satu titik merah yang kecil' tetapi ia boleh menyinar jika ia bergabung tenaga dan bekerja sama.

"Justeru kita perlu berfungsi sebagai sebuah pasukan yang bersatu padu," tekan Encik Heng.

Sementara itu, isu kenaikan cukai turut disentuh dalam sesi dialog tersebut.

Ramai pengamat meramal-kan kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan dinaikkan dan diumumkan semasa Belanjawan 2018 nanti.

Apabila ditanya apakah yang menjadi pertimbangannya dalam menaikkan kadar cukai, Encik Heng menjawab, terdapat dua pertimbangan utama.

Pertama, jelasnya adalah faktor kecekapan bermakna adakah ia cara terbaik mengumpul cukai atau boleh menyebabkan salah peruntukan dan sebagainya.

Faktor kedua pula adalah ekuiti, iaitu adakah ia dilakukan secara adil.

"Memang ada tukar ganti. Dari jangka pendek, ia mu-

PERSPEKTIF SINGAPURA 2018:

Menteri Kewangan, Encik Heng Swee Keat, mengongsi pandangan tentang isu kepimpinan negara, Belanjawan Negara dan kemungkinan kenaikan kadar GST di persidangan anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Persidangan Raffles City, semalam. – Foto BH oleh DESMOND FOO TW

ngkin tampak tidak adil mengenakan kenaikan cukai.

"Tetapi dari jangka panjang, ia lebih berkesan dan adil," jawab beliau.

Encik Heng berharap rakyat tidak akan melihatnya sebagai kenaikan atau penurunan cukai dan melihat Belanjawan bukan hanya sekadar untuk memberi 'hadiah' atau dalam istilah Inggeris, *goodies*, sahaja tetapi sebagai satu rancangan strategik demi masa depan Singapura.

"Belanjawan adalah bagaimana kita menyalurkan sumber bagi masa depan Singapura, ia satu rancangan strategik," terangnya.

Dalam pada itu, berbagai isu berkaitan kesan penduduk semakin tua ke atas ekonomi dan keselamatan sosial turut dibincangkan dalam sidang tersebut.

SEKILAS ISU DIBINCANGKAN

- ▶ Kesan pada ekonomi ekoran tenaga kerja lebih tua selain meneliti dasar modal insan dan pembangunan ekonomi yang diperlukan
- ▶ Mengubah pekerjaan demi memanfaatkan sumbangan pekerja lebih tua
- ▶ Isu politik dan sosial yang dihadapi masyarakat menua
- ▶ Mengambil kesempatan peluang yang timbul
- ▶ Meneliti institusi serta dasar ekonomi dan sosial demi memanfaatkan usia yang panjang
- ▶ Salah tanggapan yang memaparkan warga tua Singapura sebagai beban

APA KATA ENCIK HENG SWEE KEAT TENTANG:

BARISAN KEPIMPINAN 4G

"Tentang pasukan generasi keempat, kita boleh bekerjasama dengan sangat baik, ia adalah sebuah pasukan yang berfikirannya serius dan sedang melakukan yang terbaik. Saya selesa bekerjasama dengan mereka. Bukan hanya pasukan generasi keempat sahaja, tetapi seluruh Kabinet. Perdana Menteri Lee Hsien telah menunjukkan contoh yang baik. Ia adalah sebuah pasukan yang bersatu padu, dan kami membincangkan berbagai isu setiap minggu..."

BELANJAWAN NEGARA

"Belanjawan adalah bagaimana kita menyalurkan sumber bagi masa depan Singapura, ia satu rancangan strategik."

KENAIKAN KADAR GST

"Dari jangka pendek, ia mungkin tampak tidak adil mengenakan kenaikan cukai. Tetapi dari jangka panjang, ia lebih berkesan dan adil."